

Headline	Komited menjaga kebajikan jemaah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	29	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	711 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mahaizura Abd Malik	AdValue	RM 26,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,777



# Komited menjaga kebajikan jemaah

■ Program Sahabat Korporat TH himpun 40 syarikat korporat salur sumbangan barangan keperluan haji

Oleh Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@hmetro.com.my

**S**elaras dengan peranannya sebagai sebuah institusi korporat Islamik terbesar yang menawarkan perkhidmatan pengurusan haji dan tabung, Lembaga Tabung Haji (TH), sudah menerima pelbagai pengiktirafan sama ada di peringkat tempatan mahupun global, sekali gus diperakui kecemerlangan perkhidmatannya kepada jemaah negara ini.

Ini ditambah dengan pengukuhan dan prestasi kewangan memberangsangkan yang dicatat saban tahun, memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan khususnya pendeposit, jemaah haji, rakan niaga strategik, kerajaan serta agensi berkaitan.

TH kini terus komited merealisasikan impian pendepositanya untuk menunaikan fardu haji melalui usaha menggembleng dan memperkayakan modal pendeposit bagi pulangan kompetitif serta sejajar dengan misi dan visi penubuhan

TH. Pada masa sama, kebajikan jemaah juga sentiasa dititikberatkan TH dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan memuaskan melalui Sahabat Korporat iaitu satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR), yang dilaksanakan

TH setiap tahun. Melalui program ini, TH mempelawa institusi korporat, swasta dan persendirian, tidak kira besar mahupun kecil untuk berganding bahu mengadakan usaha sama strategik dengan TH dalam menunaikan CSR mereka secara kolektif untuk kebajikan serta manfaat jemaah haji di negara ini.

Lebih membanggakan, pada musim haji lalu (1434H/2013M), Program Sahabat Korporat TH mendapat sambutan amat menggalakkan dan berjaya menggabungkan penyertaan secara berkumpulan lebih daripada 40 syarikat.

Program ini berjaya menghimpunkan sumbangan keseluruhan melebihi RM11 juta dalam bentuk ba-

rangan kelengkapan haji seperti beg beroda, beg sandang, multi vitamin, bahan bacaan seperti buku doa, tiktak, kelengkapan harian dan peralatan kesihatan di hospital.

Program ini memberi banyak manfaat dengan membantu, memudah dan meringankan beban jemaah negara dalam membuat persediaan kelengkapan barangan keperluan untuk kegunaan ketika menunaikan ibadat haji di Tanah Suci.

Barangan sumbangan yang diterima TH kebiasaannya akan diagihkan kepada jemaah haji muassasah yang pastinya berbesar hati menerima sumbangan dengan penuh rasa kesyukuran.

Sumbangan Sahabat Korporat ini juga, secara tidak langsung membentuk keseragaman identiti yang membezakan jemaah haji Malaysia dengan jemaah dari negara lain.

Pada masa sama, institusi korporat, swasta dan persendirian yang mengambil bahagian juga secara tidak langsung turut mendapat manfaat.

Program ini boleh dijadikan platform bagi medium publisiti dan promosi kepada syarikat berkenaan untuk meningkatkan penjenamaan serta produk halal

kepada masyarakat khususnya jemaah haji.

Melalui pendekatan itu, masyarakat akan lebih mengenali pelbagai barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka.

Justeru, TH berbesar hati dan berterima kasih dengan pembabitan dan pemberian sumbangan pelbagai institusi korporat yang selama ini menyokong serta menjayakan usaha murni TH ini.

TH juga sentiasa memberi peluang dan mengharapkan penyertaan berterusan daripada semua pihak khususnya institusi korporat, swasta serta persendirian untuk tampil bersama TH dalam menjaga kebajikan dan keselesaan jemaah haji setiap tahun.

Bagi tahun ini, TH sudah memulakan inisiatif mempromosi dan mempelawa institusi korporat, swasta dan persendirian untuk menyertai program Sahabat Korporat musim haji ini (1435H/2014M) seawal Januari lalu dan masih mengalu-alukan penyertaan syarikat yang berminat.

Setakat ini, 30 syarikat mengesahkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada bakal jemaah haji musim ini.

Headline	Komited menjaga kebajikan jemaah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	29	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	711 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mahaizura Abd Malik	AdValue	RM 26,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,777



**FAKTA**

Pada musim haji  
1434H/2013  
Program Sahabat  
Korporat TH  
menghimpunkan  
sumbangan  
RM11 juta

ANTARA produk  
sumbangan Sahabat  
Korporat TH.



TH komited merealisasikan  
impian penderosnya untuk  
menunaikan fardu haji.